

## Piawaian QMS & ISMS Bukti Komitmen, Dasar Kualiti UNIMAS

### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

**PENGARAH :**  
PROF DR TARMIIJI MASRON

**TIMBALAN PENGARAH :**  
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

**PENOLONG PENDAFTAR KANAN :**  
DAYANG MAZINA AWANG BATU  
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

**PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :**  
GUSTINATA BASUAN  
ADELINE ANN LUBI

**PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :**  
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

**SETIAUSAHA PEJABAT :**  
NUR AISHAH JORI


**PEMBANTU TADBIR KANAN :**  
NORISA MOHAMAD SAHARI

**PEMBANTU TADBIR :**  
SITI AFIZAH JAMIL  
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

**PEMBANTU OPERASI :**  
ROZAIMI ANIS



### WHAT YOU SHOULD KNOW ABOUT QMS & ISMS



ISO 9001 is the world's most popular **Quality Management System (QMS)** standard and is all about keeping customers satisfaction.



**UNIMAS IS CERTIFIED TO  
ISO 9001:2015  
CERT. NO.: MY - QMS 02679**

**Information Security Management System (ISMS)** is an international standard which specifies the requirements for establishing, implementing, maintaining and continually improving an information security management system within the context of the organization.



**UNIMAS IS CERTIFIED TO  
ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO.: MY - ISM 00187**

**Kota Samarahan** : *International Organization for Standardization (ISO)* merupakan piawai bertulis yang menetapkan dan menerangkan keperluan asas yang perlu ada dalam sistem kualiti bagi memastikan perkhidmatan sesebuah organisasi memenuhi kehendak pelanggan.

UNIMAS melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 bagi skop urusan proses utama meliputi 7 PTj yang memberikan perkhidmatan merangkumi Urusan Pengambilan, Pendaftaran, Penilaian dan Pensijilan Pelajar Prasiswazah (**BPPs**); Pembangunan, Pengurusan Sumber Ilmu dan Perkhidmatan Maklumat (**PeTARY**); Pendaftaran Kolej Pelajar Baharu Prasiswazah (**PKP**); Pengambilan, Pendaftaran dan Penilaian Pelajar Siswazah Program Kerja Kursus (**PPS**); Permohonan Geran Penyelidikan dan Pemantauan Penyelidikan (**RIEC**); Audit Dalaman (**PAD**) dan juga Terimaan Hasil (**Pejabat Bendahari**).

Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) pula merupakan suatu pendekatan yang berstruktur dan berstruktur di dalam pengurusan maklu-

mat. Ia meliputi individu, proses dan sistem teknologi maklumat.

Objektif ISMS adalah untuk mengurus dan melindungi keselamatan maklumat selaras dengan keperluan dan ekspektasi pemegang taruh. Ia menekankan kepada konsep atau prinsip keselamatan maklumat iaitu pemeliharaan kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan.

Di UNIMAS, skop pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 adalah bagi Sistem Pengurusan Pelajar (SPP) merangkumi Pendaftaran Pelajar; Pendaftaran Kursus; Penjanaan Keputusan Penilaian dan Penyediaan Sijil.

Dasar Kualiti UNIMAS jelas menekankan komitmen untuk menyediakan khidmat pengurusan akademik, penyelidikan dan kesarjanaan yang berkualiti melalui usaha penambahbaikan berterusan serta pewujudan budaya kualiti. UNIMAS akan menjalani Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM bagi kedua-dua piawaian ini pada 19-21 Sept 2022.

## Sesi Libat Urus Pelan Pengurusan Risiko & Bencana UA

**Putrajaya** : Bahagian Governan IPTA, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengadakan Sesi Libat Urus Pelan Pengurusan Risiko dan Bencana Universiti Awam pada 29 Ogos 2022 bertempat di KPT, Putrajaya.

Sesi ini diadakan bertujuan untuk berkongsi tatakara pengurusan risiko dan bencana di peringkat UA masing-masing. Pengarah SQRC, Prof Dr Tarniji Masron dan Penolong Pendaftar Kanan, Unit Pengurusan Risiko, Pn Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman telah hadir mewakili UNIMAS.

Keperluan supaya semua UA mempunyai Pelan Pengurusan Risiko bagi menghadapi sebarang kemungkinan bencana amat penting bagi memastikan setiap UA menguruskan risiko bencana masing-masing dengan lebih efisien dan teratur.

Ini berikutan bencana banjir yang berlaku di beberapa kawasan di negara ini pada akhir 2021 telah mengakibatkan kerosakan harta benda dan kemalangan jiwa. Tidak terkecuali, beberapa UA turut terjejas.



Wakil-wakil IPTA di Sesi Libat Urus Pengurusan Risiko dan Bencana


## THE WUR Masterclas Asia

**Kota Samarahan** : Times Higher Education (THE) yang berpangkalan di London telah mengadakan webinar *THE World University Ranking (WUR) 3.0 Masterclass Asia* pada 7 September 2022.

Webinar selama sejam ini dihoskan oleh Mr Duncan Ross yang merupakan *Chief Data Officer* bagi THE.

Antara lain pengisian webinar tersebut ialah penelitian terhadap perubahan yang dimaksudkan terhadap metodologi WUR dan implikasinya untuk penarafan tahun 2024.

Sesi ini telah disertai oleh staf SQRC selain turut melibatkan Ketua Strategi Fakulti.



## Audit Penarafan SETARA 2022

**Kuching** : Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan Audit Lapangan Penarafan SETARA 2022 bagi UNIMAS pada 8-9 Ogos 2022 yang lalu. Auditan bagi Zon Borneo dilakukan secara berpusat di Swinburne University of Technology Sarawak.

SETARA adalah sistem penarafan yang dibangunkan oleh KPT untuk mengukur jaminan kualiti dan standard universiti dan kolej universiti di Malaysia berdasarkan autonomi, kualiti dan prestasi institusi.



Sistem ini telah dirangka untuk membantu universiti membina asas-asas yang kukuh dalam tiga fungsi teras utama iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan melalui metrik dan metodologi penilaian yang telah ditetapkan.

Lebih dari 15 PTj utama di UNIMAS termasuk UBS dan UHSB terlibat dalam Audit Lapangan ini yang dilakukan menerusi verifikasi dokumen secara temubual bersemuka bersama tiga orang Juraudit Bebas yang dilantik pihak KPT.



SQRC selaku Sekretariat Penarafan SETARA UNIMAS 2022 merakamkan setinggi penghargaan kepada Pengurusan Tertinggi dan semua wakil PTj yang terlibat sepanjang auditan berlangsung.



## Lawatan Kerja PPSKR UTeM

**Kota Samarahan :** SQRC telah berkesempatan menerima rombongan pelawat dari Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 4 Ogos 2022.

Lawatan kerja oleh pihak PPSKR UTeM ini diketuai oleh Pengarah, Prof Madya Ts Mohd Rahimi bin Yusoff bersama-sama Timbalan-Timbalan Pengarah, Timbalan Pendaftar Kanan selain dua orang Penolong Pendaftar.

Objektif utama lawatan ini secara khusus untuk bertukar informasi selain mengukuhkan rangkaian hubungan antara staf PPSKR dan SQRC. Ini selari dengan peranan kedua-duanya dalam pengurusan strategik, penarafan serta pengurusan kualiti dan risiko.

Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron berpeluang menyampaikan taklimat kepada rombongan. Turut serta ialah Timbalan Pengarah dan Penolong Pendaftar Kanan.



Delegasi PPSKR UTeM di SQRC

## Audit Dalam ISMS ISO/IEC 27001:2013

**Kota Samarahan :** Pasukan Audit Dalam UNIMAS bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 telah menjalankan auditan dalaman bermula 10-19 Ogos 2022.

Audit Dalam yang terdiri dari 14 orang Juruaudit telah menjalankan auditan bagi Sistem Pengurusan Pelajar (SPP) secara khusus

untuk skop Pendaftaran Pelajar Semasa, Pendaftaran Kursus, Penajaan Keputusan Penilaian dan Penyediaan Sijil. Ini sebagai persediaan Audit Pensijilan Semula SIRIM pada 19-21 September 2022.



**UNIMAS**  
UNIVERSITI MALAYSIA MELAKA  
30 years  
Crossing frontiers  
1992-2022

**CLEAR DESK & CLEAR SCREEN**

- LOCK YOUR COMPUTER SCREEN WHEN YOU ARE AWAY
- DON'T LEAVE SENSITIVE INFORMATION LYING AROUND

**PASSWORDS ARE LIKE TOOTH BRUSHES**

CHOOSE A GOOD ONE.  
NEVER SHARE.  
CHANGE OCCASIONALLY.

JK ISMS UNIMAS

**UNIMAS**  
UNIVERSITI MALAYSIA MELAKA  
30 years  
Crossing frontiers  
1992-2022

**Selamat Hari Malaysia**  
16 September 2022

**SQRC**  
Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

Ikhtis daripada

**Happy Birthday**  
**26.8**  
**EN. ROZAIMI ANIS**  
semoga sentiasa berada didalam rahmatNya & ceria selalu

# Kalendar Aktiviti



## Ogos 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat JKPR	Bil.02/2022	3/08/2022
2	Taklimat Penarafan SETARA 2022	SQRC & Auditee	4/08/2022
3	Lawatan Kerja	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko, UTeM	4/08/2022
4	Mesyuarat JK ISMS	Bil.01/2022	5/08/2022
5	SETARA 2022 - Field Audit	KPT Auditors Site Audit @ Swinburne	8-11/08/2025
6	Audit Dalaman ISMS ISO/IEC 27001:2013	Internal Auditors	8-15/08/2022
7	Audit Susulan ISMS ISO/IEC 27001:2013	Internal Auditors	15-19/08/2022
8	Perbincangan Bersama USC	THE University Impact Rankings	25/08/2022
9	Closing Meeting Internal Audit ISMS	Exit Meeting	26/08/2022
10	Sesi Libat Urus Pelan Pelaksanaan Pengurusan Risiko dan Bencana UA	KPT	29/08/2022

## September 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat JK ISMS	Penemuan Audit & Tindakan	2/09/2022
2	SAMM Surveillance Assessment MS/ISO IEC 17025:2017	FRST Lab / Standard Malaysia	5/09/2022
3	Perbincangan Bersama UG & UC	QS & THE Rankings	6/09/2022
4	THE WUR 3.0 Masterclass - Asia	Webinar by THE London	7/09/2022
5	Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan Pelaporan PPD RMK12	Bahagian Dasar & Penyelidikan, KPT	12/09/2022
6	Bengkel Penyediaan Pelaporan PPD RMK12	Bahagian Dasar & Penyelidikan, KPT	19-20/09/2022
7	Audit Pensijilan Semula QMS ISO 9001:2015	SIRIM QAS International	19-21/09/2022
8	Audit Pensijilan Semula ISMS ISO/IEC 27001:2013	SIRIM QAS International	19-21/09/2022
9	THE Masterclass: Communicating Rankings Excellence	Webinar by THE London	20/09/2022

eISSN 2948-5088

